



## NEGERI SABAH

JPAN(S): CC.111/93 KLT. 21

### **PEKELILING PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SABAH BILANGAN 8 TAHUN 2017**

### **PINDAAN SKIM PERKHIDMATAN PENOLONG PEMELIHARA HUTAN, RENJER HUTAN, PENGAWAS HUTAN, PEMBANTU OPERASI DAN PEMBANTU AWAM**

#### **TUJUAN**

1. Pekeliling Perkhidmatan Awam Negeri Sabah bertujuan memaklumkan Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk menerimapiakai keputusan Kerajaan Persekutuan mengenai pindaan skim perkhidmatan Penolong Pemelihara Hutan, Renjer Hutan, Pengawas Hutan, Pembantu Operasi dan Pembantu Awam yang sedang berkuat kuasa selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2014.

#### **LATAR BELAKANG**

2. Kerajaan bersetuju supaya skim perkhidmatan Penolong Pemelihara Hutan, Renjer Hutan dan Pengawas Hutan ditambah baik berikutan perubahan skop fungsi tugas, pengiktirafan Sijil Perhutanan Renjer Hutan daripada Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia yang diiktiraf setaraf dengan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia serta menambah baik peluang kemajuan kerjaya dan mobiliti pegawai. Skim perkhidmatan Pembantu Operasi dan Pembantu Awam juga ditambah baik dengan diperuntukkan Peningkatan Secara Lantikan ke skim perkhidmatan Pengawas Hutan.

## **PINDAAN**

### **Skim Perkhidmatan Renjer Hutan dan Penolong Pemelihara Hutan**

3. Skim perkhidmatan Renjer Hutan dan Penolong Pemelihara Hutan yang berkuat kuasa dipinda kepada skim perkhidmatan yang baharu seperti berikut:

<b>Sedia Ada</b>	<b>Baharu</b>
Renjer Hutan Gred G19, G22, G26	Renjer Hutan/ Penolong Pemelihara Hutan Gred G19, G22, G26, G29/30, G32, G36
Penolong Pemelihara Hutan Gred G29/30, G32, G36	

4. Pindaan skim perkhidmatan Renjer Hutan dan Penolong Pemelihara Hutan adalah seperti berikut:

- (a) skim perkhidmatan Renjer Hutan Gred G19, G22, G26 dan Penolong Pemelihara Hutan Gred G29, G32, G36 dijadikan skim perkhidmatan bersepadu Renjer Hutan/ Penolong Pemelihara Hutan Gred G19, G22, G26, G29/30, G32, G36;
- (b) kelayakan masuk bagi Penolong Pemelihara Hutan Gred G29 adalah Sijil Perhutanan Renjer Hutan daripada Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, kelayakan diploma dalam bidang perhutanan atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
- (c) kelayakan masuk bagi Renjer Hutan Gred G19 adalah Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Perhutanan Renjer Hutan daripada institut latihan perhutanan Sabah atau sekolah latihan perhutanan Sarawak atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

- (d) kenaikan pangkat bagi Renjer Hutan Gred G19 atau Gred G22 ke Penolong Pemelihara Hutan Gred G30 adalah tertakluk kepada memiliki kelayakan Sijil Perhutanan Renjer Hutan daripada Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia atau diploma dalam bidang perhutanan atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan dan syarat-syarat kenaikan pangkat lain seperti yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan; dan
- (e) kenaikan pangkat bagi Renjer Hutan Gred G26 ke Penolong Pemelihara Hutan Gred G30 adalah tertakluk kepada syarat-syarat kenaikan pangkat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan.

### **Skim Perkhidmatan Pengawas Hutan**

- 5. Skim perkhidmatan Pengawas Hutan yang berkuat kuasa dipinda seperti berikut:
  - (a) skim perkhidmatan Pengawas Hutan Gred G11, G14 dijadikan skim perkhidmatan bersepadu iaitu Pengawas Hutan Gred G11, G14, G19/20, G22, G26;
  - (b) kelayakan masuk bagi Pengawas Hutan Gred G19 adalah:
    - (i) SPM dan Sijil Perhutanan Pengawas Hutan daripada Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia atau institut latihan perhutanan Sabah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred G19: RM1,469.80); atau
    - (ii) SPM dan Sijil Perhutanan Pengawas Hutan daripada sekolah latihan perhutanan Sarawak atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred G19: RM1,413.40);

- (c) kelayakan masuk bagi Pengawas Hutan Gred G11 adalah :
- (i) Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Perhutanan Pengawas Hutan daripada Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia atau institut latihan perhutanan Sabah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred G11: RM1,292.30); atau
  - (ii) PMR dan Sijil Perhutanan Pengawas Hutan daripada sekolah latihan perhutanan Sarawak atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred G11: RM1,246.15).
- (d) kenaikan pangkat bagi Pengawas Hutan Gred G11 ke Gred G20 adalah tertakluk kepada memiliki kelayakan SPM dan syarat-syarat kenaikan pangkat lain seperti yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan;
- (e) kenaikan pangkat bagi Pengawas Hutan Gred G14 ke Gred G20 adalah tertakluk kepada syarat-syarat kenaikan pangkat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan; dan
- (f) diperuntukkan perbekalan Peningkatan Secara Lantikan (PSL) dari skim perkhidmatan Pembantu Operasi dan Pembantu Awam ke skim perkhidmatan Pengawas Hutan Gred G19 adalah tertakluk kepada memiliki kelayakan akademik seperti di perenggan 5 (b) di atas atau lulus Peperiksaan Khas serta syarat-syarat lain yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan Pengawas Hutan berkenaan.

6. Skim perkhidmatan Renjer Hutan/ Penolong Pemelihara Hutan dan Pengawas Hutan yang baharu adalah seperti di **Lampiran A** dan **A1**. Jadual Gaji Minimum - Maksimum (JGMM) adalah seperti di **Lampiran B**. Penghuraian kerja umum adalah seperti di **Lampiran C** dan **C1**. Format iklan jawatan adalah seperti di **Lampiran D**.

## **Skim Perkhidmatan Pembantu Operasi dan Pembantu Awam**

7. Berikutan dengan pindaan skim perkhidmatan Pengawas Hutan, perbekalan PSL bagi skim perkhidmatan Pembantu Operasi dan Pembantu Awam turut dipinda. Perbekalan lain dalam skim perkhidmatan ini adalah dikekalkan. Skim perkhidmatan Pembantu Operasi dan Pembantu Awam yang baharu adalah seperti di **Lampiran E dan E1**.

## **PELAKSANAAN**

### **Prinsip Umum Pertukaran Pelantikan**

8. Pegawai hendaklah ditukar lantik ke jawatan baharu di skim perkhidmatan yang sama atau berlainan pada gred yang setara dengan jawatan asal. Pegawai yang ditukar lantik ke skim perkhidmatan dalam kelompok kelayakan lebih tinggi pula, gred jawatan yang akan ditawarkan adalah pada gred lantikan. Sekiranya tiada gred setara, maka jawatan secara Khas Untuk Penyandang (KUP) boleh diwujudkan.

### **Skim Perkhidmatan Renjer Hutan dan Penolong Pemelihara Hutan**

9. Renjer Hutan Gred G19, G22 dan G26 yang telah dilantik secara tetap akan ditawarkan opsyen pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan yang baharu iaitu Renjer Hutan/ Penolong Pemelihara Hutan Gred G19, G22, G26, G29/30, G32, G36 berdasarkan kelayakan seperti berikut:

- (a) Renjer Hutan Gred G19, G22 dan G26 yang memiliki kelayakan Sijil Perhutanan Renjer Hutan daripada Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia atau diploma dalam bidang perhutanan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya akan ditukar lantik ke Penolong Pemelihara Hutan di Gred G29; atau

(b) Renjer Hutan Gred G19, G22 dan G26 yang tidak memiliki kelayakan Sijil Perhutanan Renjer Hutan daripada Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia atau diploma dalam bidang perhutanan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya akan kekal dalam skim perkhidmatan dan gred jawatan asal. Pegawai akan ditukar lantik ke Penolong Pemelihara Hutan di Gred G29 yang baharu sehari selepas memenuhi salah satu syarat seperti berikut:

- (i) mendapat kelayakan Sijil Perhutanan Renjer Hutan daripada Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
- (ii) mendapat kelayakan diploma dalam bidang perhutanan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya ; atau
- (iii) hadir dan lulus dengan jayanya Kursus Peralihan Renjer Hutan ke Penolong Pemelihara Hutan (meliputi teori dan praktikal) selama enam (6) bulan di institusi latihan perhutanan anjuran Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah atau Jabatan Hutan Sarawak.

10. Semua pegawai yang sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Penolong Pemelihara Hutan Gred G29, G32, G36 adalah tertakluk kepada skim perkhidmatan bersepadu Renjer Hutan/ Penolong Pemelihara Hutan yang baharu mulai tarikh kuat kuasa pekeliling perkhidmatan ini. Gred jawatan/gaji pegawai adalah tidak berubah.

11. Renjer Hutan yang memiliki kelayakan dan bersetuju ditukar lantik hendaklah ditempatkan di jawatan Penolong Pemelihara Hutan Gred G29 sedia ada yang kosong. Sekiranya kekosongan sedia ada tidak dapat menampung bilangan pegawai yang ditukar lantik, Ketua Jabatan hendaklah menghubungi jabatan ini [Bahagian Pembangunan Organisasi (BPO)], untuk mewujudkan jawatan Penolong Pemelihara Hutan Gred G29 secara KUP sehingga pegawai dapat mengisi jawatan Penolong Pemelihara Hutan Gred G29 secara hakiki atau dinaikkan pangkat atau meninggalkan perkhidmatan.

12. Jawatan KUP ini hendaklah dimansuhkan apabila penyandang mengosongkan jawatan KUP tersebut atas sebab pegawai telah dapat mengisi jawatan Penolong Pemelihara Hutan Gred G29 secara hakiki atau kenaikan pangkat atau meninggalkan perkhidmatan. Sekiranya ada keperluan untuk menggantikan jawatan yang dimansuhkan tersebut, agensi hendaklah mengemukakan permohonan dengan justifikasi yang lengkap kepada jabatan ini (BPO) untuk pertimbangan.

13. Jabatan ini (BPO) akan melaksanakan perubahan jawatan Renjer Hutan dan Penolong Pemelihara Hutan dalam Senarai Perjawatan sedia ada. Agensi diminta menghubungi jabatan ini (BPO) sekiranya urusan tukar lantik ini mengakibatkan perubahan struktur organisasi atau masalah penyeliaan kerja.

#### **Skim Perkhidmatan Pengawas Hutan**

14. Pengawas Hutan Gred G11 dan G14 yang telah dilantik secara tetap akan ditawarkan opsyen pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan yang baharu iaitu Pengawas Hutan Gred G11, G14, G19/20, G22, G26 berdasarkan kelayakan seperti berikut:

- (a) Pengawas Hutan Gred G11 dan G14 yang memiliki kelayakan SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya akan ditukar lantik ke Pengawas Hutan di Gred G19; atau
- (b) Pengawas Hutan Gred G11 dan G14 yang tidak memiliki kelayakan SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya tetapi mempunyai genap enam (6) tahun tempoh perkhidmatan dalam skim perkhidmatan Pengawas Hutan asal akan ditukar lantik ke Pengawas Hutan di Gred G19; atau

- (c) Pengawas Hutan Gred G11 dan G14 yang tidak memiliki kelayakan SPM atau belum berkhidmat genap enam (6) tahun perkhidmatan akan kekal dalam skim perkhidmatan dan gred jawatan asal. Pegawai akan ditukar lantik ke Pengawas Hutan di Gred G19 yang baharu sehari selepas memenuhi salah satu syarat seperti berikut:
- (i) mendapat kelayakan SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
  - (ii) mempunyai genap enam (6) tahun tempoh perkhidmatan dalam skim perkhidmatan Pengawas Hutan.

15. Tempoh perkhidmatan yang boleh diambil kira bagi tujuan pertukaran pelantikan ini adalah tempoh perkhidmatan tetap dalam skim perkhidmatan asal, tidak termasuk tempoh cuti tanpa gaji atau mana-mana tempoh yang tidak diambil kira berdasarkan peraturan yang berkuat kuasa.

16. Jabatan ini (BPO) akan melaksanakan perubahan jawatan Pengawas Hutan dalam Senarai Perjawatan sedia ada. Agensi diminta menghubungi jabatan ini (BPO) sekiranya urusan tukar lantik ini mengakibatkan perubahan struktur organisasi atau masalah penyeliaan kerja.

## **PEMBERIAN OPSYEN**

17. **Pihak Berkuasa Melantik** hendaklah menawarkan opsyen kepada pegawai yang sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Renjer Hutan dan Pengawas Hutan bagi membolehkan pegawai membuat pilihan.

18. Pegawai yang bersetuju menerima opsyen akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan yang baharu.



19. Pegawai yang menolak opsyen atau tidak membuat sebarang opsyen atau gagal mengembalikan borang opsyen dalam tempoh yang ditetapkan tanpa sebab yang munasabah atau membuat opsyen dengan bersyarat dianggap sebagai tidak bersetuju untuk ditukar lantik ke skim perkhidmatan baharu ini. Dengan ini:

- (a) pegawai akan kekal dalam skim perkhidmatan dan gred jawatan asal secara KUP;
- (b) pegawai akan berada dalam skim perkhidmatan asal yang telah dijumlahkan dan tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan asal; dan
- (c) pegawai juga tidak layak menikmati keistimewaan dan penambahbaikan yang diperuntukkan dalam skim perkhidmatan Renjer Hutan/ Penolong Pemelihara Hutan dan Pengawas Hutan yang baharu dan sebarang pindaan kepadanya.

20. Semua pegawai yang terlibat akan diberi tempoh 30 hari mulai tarikh surat tawaran diedarkan untuk membuat pilihan sama ada menerima atau menolak tawaran opsyen ini. Pilihan yang dibuat adalah muktamad.

21. Tawaran opsyen ini hanya diberi kepada pegawai yang bertaraf tetap dan masih dalam perkhidmatan pada 1 April 2017 termasuk mereka yang masih dalam tempoh percubaan serta berada dalam Sistem Saraan Malaysia.

22. Tawaran opsyen ini juga hendaklah diberi kepada mereka yang berada dalam keadaan berikut:

- (a) dipinjamkan atau ditukar sementara;
- (b) sedang bercuti;
- (c) tidak hadir bertugas semasa opsyen dikeluarkan dan berkuat kuasa;

(d) sedang dalam proses tindakan tatatertib; dan

(e) sedang menjalani hukuman tatatertib.

23. Pegawai yang sedang dalam proses tindakan tatatertib, jika sabit kesalahannya dan dijatuhi hukuman buang kerja dalam tempoh opsyen, maka tawaran opsyen tersebut dengan sendirinya terbatal.

24. Sekiranya surat tawaran opsyen tidak dapat disampaikan, termasuk kepada pegawai yang berada dalam keadaan seperti di perenggan 22, Ketua Jabatan boleh menawarkan surat tawaran opsyen dengan memberi tempoh yang sama (30 hari) untuk membolehkan mereka membuat pilihan, walaupun tempoh opsyen asal telah tamat.

25. Bagi urusan pemberian opsyen pertukaran pelantikan bagi pegawai dalam skim perkhidmatan Renjer Hutan dan Pengawas Hutan sedia ada yang **memiliki kelayakan**, dokumen yang berkaitan adalah seperti berikut:

(a) Renjer Hutan Gred G19, G22 dan G26 yang memiliki kelayakan Sijil Perhutanan Renjer Hutan daripada Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia atau diploma dalam bidang perhutanan, contoh surat tawaran adalah seperti berikut:

(i) contoh Surat Tawaran Pertukaran Pelantikan, Syarat-syarat Pertukaran Pelantikan dan Borang Opsyen Pertukaran Pelantikan bagi Renjer Hutan Gred G19 adalah seperti **Lampiran F, F1 dan F2**; dan

(ii) contoh Surat Tawaran Pertukaran Pelantikan, Syarat-syarat Pertukaran Pelantikan dan Borang Opsyen Pertukaran Pelantikan bagi Renjer Hutan Gred G22 dan G26 adalah seperti **Lampiran G, G1 dan G2**.

(b) Pengawas Hutan Gred G11 dan G14 yang memiliki kelayakan SPM atau mempunyai genap enam (6) tahun perkhidmatan dalam skim perkhidmatan Pengawas Hutan, contoh surat tawaran adalah seperti berikut:

(i) contoh Surat Tawaran Pertukaran Pelantikan, Syarat-syarat Pertukaran Pelantikan dan Borang Opsyen Pertukaran Pelantikan Pengawas Hutan Gred G11 adalah seperti **Lampiran H, H1 dan H2**; dan

(ii) contoh Surat Tawaran Pertukaran Pelantikan, Syarat-syarat Pertukaran Pelantikan dan Borang Opsyen Pertukaran Pelantikan bagi Pengawas Hutan Gred G14 adalah seperti **Lampiran J, J1 dan J2**.

26. Bagi urusan pemberian opsyen pertukaran pelantikan untuk pegawai skim perkhidmatan Renjer Hutan dan Pengawas Hutan sedia ada yang **tidak memiliki kelayakan** yang ditetapkan, dokumen yang berkaitan adalah seperti berikut:

(a) Renjer Hutan Gred G19, G22 dan G26 yang tidak memiliki kelayakan Sijil Perhutanan Renjer Hutan daripada Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia atau diploma dalam bidang perhutanan, contoh surat tawaran adalah seperti berikut:

(i) contoh Surat Tawaran Pertukaran Pelantikan, Syarat-syarat Pertukaran Pelantikan dan Borang Opsyen Pertukaran Pelantikan bagi Renjer Hutan Gred G19 adalah seperti **Lampiran K, K1 dan K2**; dan

(ii) contoh Surat Tawaran Pertukaran Pelantikan, Syarat-syarat Pertukaran Pelantikan dan Borang Opsyen Pertukaran Pelantikan bagi Renjer Hutan Gred G22 dan G26 adalah seperti **Lampiran L, L1 dan L2**.

- (b) Pengawas Hutan Gred G11 dan G14 yang tidak memiliki kelayakan SPM atau tidak mempunyai genap enam (6) tahun perkhidmatan, contoh surat tawaran adalah seperti berikut:
- (i) contoh Surat Tawaran Pertukaran Pelantikan, Syarat-syarat Pertukaran Pelantikan dan Borang Opsyen Pertukaran Pelantikan Pengawas Hutan Gred G11 adalah seperti **Lampiran M, M1 dan M2**; dan
  - (ii) contoh Surat Tawaran Pertukaran Pelantikan, Syarat-syarat Pertukaran Pelantikan dan Borang Opsyen Pertukaran Pelantikan Pengawas Hutan Gred G14 adalah seperti **Lampiran N, N1 dan N2**.

27. Tawaran opsyen ini tidak melibatkan pegawai lantikan sementara atau kontrak. Perkhidmatan pegawai tersebut boleh diteruskan sehingga tamat tempoh kontrak yang berkuat kuasa. Urusan pelantikan semula pegawai berkenaan akan diuruskan oleh Ketua Jabatan, tertakluk memenuhi syarat skim perkhidmatan yang baharu.

**Kenaikan Pangkat Secara *Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan Dalam Skim Perkhidmatan Asal Bagi Renjer Hutan Gred G19 dan Pengawas Hutan Gred G11 Yang Ditukar Lantik Ke Gred Jawatan Lebih Tinggi**

28. Renjer Hutan Gred G19 dan Pengawas Hutan Gred G11 yang ditawarkan opsyen pertukaran pelantikan sebagai Renjer Hutan/ Penolong Pemelihara Hutan Gred G29 atau Pengawas Hutan Gred G19, mana yang berkenaan, layak untuk membuat pilihan sama ada:

- (a) terus ditukar lantik ke skim perkhidmatan yang ditawarkan; atau
- (b) ditukar lantik setelah pegawai dinaikkan pangkat secara *time-based* berasaskan kecemerlangan dalam skim perkhidmatan asal.

29. Renjer Hutan Gred G19 dan Pengawas Hutan Gred G11 yang memilih untuk terus ditukar lantik ke skim perkhidmatan Renjer Hutan/ Penolong Pemelihara Hutan Gred G29 atau Pengawas Hutan Gred G19, mana yang berkenaan, tidak layak dipertimbangkan kenaikan pangkat secara *time-based* di skim perkhidmatan asal kerana telah ditukar lantik ke gred jawatan yang lebih tinggi.

30. Renjer Hutan Gred G19 dan Pengawas Hutan Gred G11 yang memilih untuk kekal dalam skim perkhidmatan asal sehingga dinaikkan pangkat secara *time-based* berasaskan kecemerlangan akan berada pada gred asal dalam skim perkhidmatan asal. Pegawai akan dipertimbangkan kenaikan pangkat apabila menggenapkan tempoh 13 tahun di skim perkhidmatan asal. Seterusnya, pegawai akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan yang ditawarkan berkuat kuasa sehari selepas pegawai dinaikkan pangkat secara *time-based* tersebut.

31. Sekiranya pegawai di perenggan 30 tidak berjaya dinaikkan pangkat dalam tempoh *time-based* yang ditetapkan, pegawai boleh memohon untuk ditukar lantik ke skim perkhidmatan yang ditawarkan. Tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan adalah pada tarikh semasa yang diluluskan oleh Ketua Jabatan.

#### **KAEDAH PELAKSANAAN OPSYEN**

32. Bagi melaksanakan opsyen ini, Pihak Berkuasa Melantik, Ketua Jabatan dan pegawai yang terlibat hendaklah mematuhi kaedah yang ditetapkan seperti berikut:

(a) Pihak Berkuasa Melantik:

Pihak Berkuasa Melantik akan mewakili kuasa kepada Ketua Jabatan untuk menawarkan opsyen pertukaran pelantikan kepada pegawai yang terlibat.

- (b) Ketua Jabatan:
- (i) menawarkan opsi kepada pegawai terlibat;
  - (ii) memberi penjelasan terperinci mengenai opsi kepada pegawai yang terlibat dan implikasi keputusan yang dibuat;
  - (iii) mengemas kini Kenyataan Perkhidmatan dan Kenyataan Cuti pegawai yang terlibat selaras dengan perubahan-perubahan berkaitan; dan
  - (iv) melaksanakan pekeliling perkhidmatan dan melaporkan kepada jabatan ini [Bahagian Pembangunan Organisasi (BPO)] mengenai status pelaksanaan pekeliling perkhidmatan ini sebelum 31 Disember 2017 mengikut format seperti **Lampiran P**.
- (c) Pegawai Yang Ditawarkan Opsyen:
- (i) membaca dengan teliti dan faham mengenai opsi sebelum membuat keputusan. Jika terdapat sebarang keraguan, pegawai hendaklah merujuk kepada Ketua Jabatan untuk mendapatkan penjelasan selanjutnya. Pemilihan opsi adalah muktamad;
  - (ii) melengkapkan dua (2) salinan borang opsi iaitu satu (1) salinan untuk disimpan oleh Ketua Jabatan, manakala satu (1) salinan lagi untuk pegawai berkenaan; dan
  - (iii) mengembalikan borang opsi dalam tempoh 30 hari mulai tarikh surat tawaran dikeluarkan.

## **KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN**

33. Pegawai akan ditawarkan gaji permulaan di jawatan baharu seperti berikut:
- (a) pada gaji minimum di gred jawatan baharu sekiranya gaji akhir di gred jawatan asal adalah sama atau lebih rendah daripada gaji minimum di gred jawatan baharu; atau
  - (b) pada amaun gaji yang sama dengan amaun gaji akhir di gred jawatan asal jika gaji akhir di gred jawatan asal lebih tinggi daripada gaji minimum di gred jawatan baharu; atau
  - (c) pada gaji permulaan kelayakan diploma bagi pegawai Renjer Hutan yang memiliki kelayakan diploma jika amaun gaji di gred jawatan asal adalah lebih rendah daripada gaji permulaan kelayakan diploma.
34. Pegawai yang gaji akhirnya tidak dapat ditampung oleh amaun gaji dalam JGMM mengikut kaedah di atas, maka jadual gaji KUP hendaklah dipohon daripada jabatan ini (Bahagian Saraan) dengan mengemukakan salinan Kenyataan Perkhidmatan pegawai terlibat yang telah dikemas kini dan disahkan.
35. Contoh kaedah penetapan gaji permulaan bagi pertukaran pelantikan ini adalah seperti di **Lampiran Q**.

## **PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**

36. Pergerakan Gaji Tahunan jawatan asal yang sepatutnya diterima oleh pegawai dalam tahun pertukaran pelantikan dikuatkuasakan, sekiranya masih belum diterima, hendaklah diberi pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan mengikut amaun Kenaikan Gaji Tahunan di jawatan asal.

## **TARIKH PERGERAKAN GAJI**

37. Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) bagi pegawai yang terlibat dalam urusan ini dikekalkan mengikut TPG jawatan asal.

## **TEMPOH PERALIHAN**

38. Mulai tarikh Pekeliling Perkhidmatan ini dikeluarkan, semua lantikan hendaklah menggunakan skim perkhidmatan yang baharu dan syarat lantikan yang ditetapkan hendaklah dipatuhi. Pegawai yang telah dilantik menggunakan skim perkhidmatan Renjer Hutan dan Pengawas Hutan sedia ada mulai 1 April 2017 hingga tarikh Pekeliling Perkhidmatan ini dikeluarkan adalah dianggap sebagai pegawai dalam perkhidmatan seperti mana pegawai dalam tempoh percubaan. Oleh itu mereka layak ditawarkan opsyen pertukaran pelantikan di bawah Pekeliling Perkhidmatan ini.

39. Bagi sebarang urusan perkhidmatan yang telah dilaksanakan menggunakan skim perkhidmatan sedia ada mulai 1 April 2017 hingga tarikh Pekeliling Perkhidmatan ini dikeluarkan, penyelarasan semula hendaklah dilaksanakan berdasarkan tarikh kuat kuasa Pekeliling Perkhidmatan ini. Sebarang pertanyaan hendaklah dirujuk semula kepada jabatan ini.

## **ELAUN DAN KEMUDAHAN**

40. Urusan pertukaran pelantikan ini tidak melibatkan sebarang perubahan elaun dan kemudahan yang diterima oleh Penolong Pemelihara Hutan, Renjer Hutan dan Pengawas Hutan mengikut pekeling perkhidmatan/surat pekeling perkhidmatan/surat edaran yang berkuat kuasa. Walau bagaimanapun, penetapan kadar elaun dan kemudahan tersebut adalah tertakluk kepada penetapan gred jawatan pegawai ditukar lantik.



## **TARIKH KUAT KUASA**

41. Pekeliling perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 April 2017**.

## **PEMBATALAN**

42. Dengan berkuat kuasanya pekeling perkhidmatan ini, maka skim perkhidmatan Penolong Pemelihara Hutan, Renjer Hutan, Pengawas Hutan, Pembantu Operasi dan Pembantu Awam dalam semua pekeling perkhidmatan berikut adalah dibatalkan, kecuali untuk menampung pegawai yang menolak opsyen. Senarai skim perkhidmatan yang dibatalkan adalah seperti berikut:

- (a) skim perkhidmatan Penolong Pemelihara Hutan di bawah Pekeling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002;
- (b) skim perkhidmatan Renjer Hutan di bawah Pekeling Perkhidmatan Bilangan 15 Tahun 2009;
- (c) skim perkhidmatan Pengawas Hutan di bawah Pekeling Perkhidmatan Bilangan 36 Tahun 2005; dan
- (d) skim perkhidmatan Pembantu Operasi dan Pembantu Awam di bawah Pekeling Perkhidmatan Bilangan 19 Tahun 2013.

Walau bagaimanapun, bagi skim perkhidmatan Pembantu Operasi dan Pembantu Awam di bawah Pekeling Perkhidmatan Bilangan 19 Tahun 2013, pembatalan adalah berkuat kuasa mulai 1 November 2013.

## PEMAKAIAN

44. Tertakluk kepada penenmaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, pekeliling perkhidmatan ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH”**



( **TAN SRI SUKARTI BIN WAKIMAN** )  
Setiausaha Kerajaan Negeri

JABATAN KETUA MENTERI  
KOTA KINABALU

Tarikh : 1 April 2017

s.k. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia  
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia  
Bahagian Pembangunan Organisasi  
Aras 7 – 8, Blok C2, Parcel C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62510 Wilayah Persekutuan, **PUTRAJAYA**

Setiausaha,  
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri  
Tingkat 4, Blok B,  
Wisma MUIS  
Peti Surat 10998  
**88811 KOTA KINABALU**

**SKIM PERKHIDMATAN  
RENJER HUTAN/PENOLONG PEMELIHARA HUTAN**

**KLASIFIKASI PERKHIDMATAN** : **PERTANIAN**  
**KUMPULAN PERKHIDMATAN** : **PELAKSANA (SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU)**  
**GRED JAWATAN/GAJI** : **G19, G22, G26, G29/30, G32, G36, G40**  
**TARIKH KUAT KUASA** : **1 JULAI 2016**

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - (a) warganegara Malaysia;
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

**KELAYAKAN LANTIKAN KE JAWATAN RENJER HUTAN  
GRED G19**

- (c) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Perhutanan Renjer Hutan daripada institut latihan perhutanan Sabah atau sekolah latihan perhutanan Sarawak atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred G19: RM1,413.40).

**KELAYAKAN LANTIKAN KE JAWATAN PENOLONG  
PEMELIHARA HUTAN GRED G29**

- (d) (i) Sijil Perhutanan Renjer Hutan daripada Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred G29: RM1,494.00);  
atau

- (ii) diploma dalam bidang perhutanan atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred G29: RM1,847.86).

**SYARAT KELAYAKAN BAHASA  
MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**SYARAT PENINGKATAN SECARA  
LANTIKAN**

3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pengawas Hutan di Gred G19/20, G22, G26 atau G28 adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pemelihara Hutan Gred G29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(d); atau
- (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan

- (b) had umur pelantikan
    - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
    - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
    - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.
- PENETAPAN GAJI PERMULAAN**
4. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum gred lantikan boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
- TEMPOH PERCUBAAN**
5. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
- LATIHAN**
6. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
- PROGRAM TRANSFORMASI MINDA/PEPERIKSAAN**
7. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
- PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**
8. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
- (a) memenuhi tempoh percubaan;
  - (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
  - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
- PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**
9. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
- KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI**
10. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED G22**
11. Renjer Hutan Gred G19 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Renjer Hutan Gred G22 yang kosong apabila telah:
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED G26**
12. Renjer Hutan Gred G22 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Renjer Hutan Gred G26 yang kosong apabila telah:
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan;
  - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED G30**
13. (a) Renjer Hutan Gred G19 atau G22 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pemelihara Hutan Gred G30 yang kosong apabila:
- (i) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (ii) mempunyai kelayakan di perenggan 1(d);

- (iii) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (iv) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (v) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
- (b) Renjer Hutan Gred G26 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pemelihara Hutan Gred G30 yang kosong apabila telah:
- (i) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (ii) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (iii) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE  
GRED G32**

14. Penolong Pemelihara Hutan Gred G29/30 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pemelihara Hutan Gred G32 yang kosong apabila telah:
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE  
GRED G36**

15. Penolong Pemelihara Hutan Gred G32 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pemelihara Hutan Gred G36 yang kosong apabila telah:
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE  
GRED G40**

16. Penolong Pemelihara Hutan Gred G36 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pemelihara Hutan Gred G40 yang kosong apabila telah:
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PENINGKATAN SECARA  
LANTIKAN KE JAWATAN  
PEMELIHARA HUTAN GRED  
G41**

17. Penolong Pemelihara Hutan yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pemelihara Hutan Gred G41 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

**Nota:** Skim perkhidmatan dalam pekeliling ini adalah selaras dengan skim perkhidmatan Renjer Hutan/Penolong Pemelihara Hutan yang berkuat kuasa pada 1.7.2016 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016) dan Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bilangan 7 Tahun 2016.

**SKIM PERKHIDMATAN  
PENGAWAS HUTAN**

**KLASIFIKASI PERKHIDMATAN** : **PERTANIAN**  
**KUMPULAN PERKHIDMATAN** : **PELAKSANA (SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU)**  
**GRED JAWATAN/GAJI** : **G11, G14, G19/20, G22, G26, G28**  
**TARIKH KUAT KUASA** : **1 JULAI 2016**

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - (a) warganegara Malaysia;
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

**KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED G11**

- (c) (i) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah dan Sijil Perhutanan Pengawas Hutan daripada sekolah latihan perhutanan Sarawak atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred G11: RM1,246.15);  
atau
- (ii) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah dan Sijil Perhutanan Pengawas Hutan daripada Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia atau institut latihan perhutanan Sabah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred G11: RM1,292.30).

**KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED G19**

- (d) (i) Sijil Pelajaran Malaysia dan Sijil Perhutanan Pengawas Hutan daripada sekolah latihan perhutanan Sarawak atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred G19: RM1,413.40);  
atau
- (ii) Sijil Pelajaran Malaysia dan Sijil Perhutanan Pengawas Hutan daripada Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia atau institut latihan perhutanan Sabah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred G19: RM1,469.80).

**SYARAT KELAYAKAN  
BAHASA MELAYU**

2. (a) Calon bagi lantikan ke Pengawas Hutan Gred G11 hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- (b) Calon bagi lantikan ke Pengawas Hutan Gred G19 hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**SYARAT PENINGKATAN  
SECARA LANTIKAN**

3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Awam dan Pembantu Operasi adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pengawas Hutan Gred G19, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
  - (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(d); atau
  - (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
  - (b) had umur pelantikan:
    - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
    - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
    - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

**PENETAPAN GAJI  
PERMULAAN**

4. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum gred lantikan boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

**TEMPOH PERCUBAAN**

5. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

**LATIHAN**

6. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PROGRAM TRANSFORMASI  
MINDA/PEPERIKSAAN**

7. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM  
PERKHIDMATAN**

8. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
  - (a) memenuhi tempoh percubaan;
  - (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
  - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**

9. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**KEPERLUAN KOMPETENSI  
DAN POTENSI**

10. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT KE  
GRED G14**

11. Pengawas Hutan Gred G11 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pengawas Hutan Gred G14 yang kosong apabila telah:
  - (a) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED G20**

12. (a) Pengawas Hutan Gred G11 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pengawas Hutan Gred G20 yang kosong apabila telah:
- (i) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (ii) mempunyai kelayakan di perenggan 1(d);
  - (iii) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (iv) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (v) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
- (b) Pengawas Hutan Gred G14 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pengawas Hutan Gred G20 yang kosong apabila telah:
- (i) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (ii) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (iii) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE  
GRED G22**

13. Pengawas Hutan Gred G19/20 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pengawas Hutan Gred G22 yang kosong apabila telah:
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE  
GRED G26**

14. Pengawas Hutan Gred G22 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pengawas Hutan Gred G26 yang kosong apabila telah:
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE  
GRED G28**

15. Pengawas Hutan Gred G26 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pengawas Hutan Gred G28 yang kosong apabila telah:
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PENINGKATAN SECARA  
LANTIKAN KE JAWATAN  
PENOLONG PEMELIHARA  
HUTAN GRED G29**

16. Pengawas Hutan Gred G19/20, G22, G26 atau G28 yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pemelihara Hutan Gred G29 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

**Nota:** Skim perkhidmatan dalam pekeliling ini adalah selaras dengan skim perkhidmatan semasa untuk Pengawas Hutan yang berkuat kuasa pada 1.7.2016 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016) dan Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bilangan 7 Tahun 2016.



**LAMPIRAN B****JADUAL GAJI MINIMUM-MAKSIMUM BAGI PERKHIDMATAN  
PERTANIAN KUMPULAN PELAKSANA MULAI 1 APRIL 2017****(RM SEBULAN)**

<b>KOD GAJI KOMPUTER SSM</b>	<b>GRED GAJI</b>	<b>GAJI MINIMUM</b>	<b>GAJI MAKSIMUM</b>	<b>KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN</b>
SSM401GA40000	G40	4,988.00	8,974.00	225.00
SSM401GA36000	G36	3,531.00	7,509.00	180.00
SSM401GA32000	G32	2,846.00	6,258.00	155.00
SSM401GA30000	G30	1,494.00	5,674.00	145.00
SSM401GA29000	G29	1,494.00	5,674.00	145.00
SSM401GA28000	G28	2,711.00	5,531.00	130.00
SSM401GA26000	G26	2,582.00	5,256.00	125.00
SSM401GA22000	G22	2,257.00	4,698.00	115.00
SSM401GA20000	G20	1,357.00	4,008.00	100.00
SSM401GA19000	G19	1,357.00	4,008.00	100.00
SSM401GA14000	G14	1,638.00	3,395.00	90.00
SSM401GA11000	G11	1,200.00	2,977.00	80.00

**PENGHURAIAN KERJA UMUM  
PERKHIDMATAN RENJER HUTAN/PENOLONG PEMELIHARA HUTAN**

**1. SKIM PERKHIDMATAN**

Renjer Hutan/Penolong Pemelihara Hutan Gred -G19, G22, G26, G29/30, G32, G36.

**2. PERINGKAT ORGANISASI**

Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Negeri di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

**3. RINGKASAN TUGASAN**

Bertanggungjawab membantu Pegawai Hutan Daerah/ Negeri dalam melaksanakan tugas berkaitan aktiviti-aktiviti perhutanan berdasarkan prinsip-prinsip pengurusan hutan secara sistematik sejajar dengan peraturan dan dasar kerajaan.

**4. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS**

- (a) Pegawai bertanggungjawab dalam membantu melaksanakan tugas dan arahan berhubung tugas-tugas pentadbiran di pejabat hutan daerah atau pejabat hutan negeri.
- (b) Pegawai bertanggungjawab membantu Pegawai Hutan Daerah dalam tugas pewartaan kawasan rizab hutan bagi hutan simpanan kekal dan hutan tanah kerajaan.
- (c) Pegawai bertanggungjawab membantu Pegawai Hutan Daerah dalam tugas pemantauan dan pengawasan kawasan rizab hutan (hutan simpanan kekal dan hutan tanah kerajaan), kerja-kerja pembangunan hutan, pengusahasilan hutan, pembangunan industri berasaskan kayu, pengeluaran hasil hutan, pengurusan hutan lipur dan tapak semaian hutan serta penyediaan maklumat-maklumat perhutanan yang berkaitan.
- (d) Pegawai bertanggungjawab dalam melaksanakan penguatkuasaan undang-undang perhutanan yang berkaitan iaitu Akta Perhutanan Negara 1984/ Sabah - Enakmen Hutan 1968, Peraturan Hutan 1969/ Sarawak - Ordinan Hutan 1958, Ordinan Taman Negara dan Rizab Semulajadi 1998 dan Ordinan Perlindungan Hidupan Liar 1998.
- (e) Pegawai dikehendaki memastikan kriteria dan petunjuk untuk pensijilan pengurusan hutan di Malaysia dipatuhi sepenuhnya.

- (f) Pegawai di Jabatan Hutan Sarawak juga bertanggung jawab membantu melaksanakan tugas-tugas yang berkaitan dengan pengurusan taman negara, rizab semulajadi dan hidupan liar.
- (g) Pegawai boleh ditempatkan di pusat latihan perhutanan kerajaan sebagai tenaga pengajar/ pembantu pengajar bagi kursus-kursus perhutanan.

## **5. HUBUNGAN KERJA**

- (a) Dalaman
  - (i) Pegawai atasan di dalam organisasi yang sama.
  - (ii) Rakan sekerja di pejabat yang sama (unit / bahagian/ daerah/ negeri).
  - (iii) Kakitangan bawahan di dalam jagaan di pejabat yang sama (unit / bahagian/ daerah/ negeri).
- (b) Luaran
  - (i) Orang awam.
  - (ii) Kementerian/ Jabatan/ agensi kerajaan yang lain.
  - (iii) Pelesen/ kontraktor pembangunan hutan, pengusahasilan hutan dan industri berasaskan kayu.
  - (iv) Agensi antarabangsa/ Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO).

## **6. PERSEKITARAN KERJA**

- (a) Dalam Pejabat
  - (i) Dalam pejabat renj hutan/ unit.
  - (ii) Persekitaran pejabat.
  - (iii) Pusat latihan.
- (b) Luar Pejabat
  - (i) Kawasan Pembalakan.
  - (ii) Balai Pemeriksaan Hutan.
  - (iii) Hutan Lipur.

- (iv) Tapak Semaian.
- (v) Pusat Latihan.
- (vi) Rizab Hutan (Hutan Simpanan Kekal dan Tanah Kerajaan).
- (vii) Industri Berasaskan Kayu.
- (viii) Kawasan Perkilangan.
- (ix) Kuari dan loji pengeluaran hasil hutan.
- (x) Kawasan lesen pembangunan hutan dan pengusahasilan hutan (Hutan Darat dan Hutan Paya Laut).
- (xi) Hutan paya bakau.

**7. KEBOLEHAN YANG DIUTAMAKAN (PENGETAHUAN/KEMAHIRAN)**

- (a) Kelulusan dalam bidang perhutanan atau bidang berkaitan yang diiktiraf.
- (b) Berkemahiran dalam mengendalikan komputer.
- (c) Berkebolehan menganalisa maklumat perhutanan.
- (d) Berkebolehan berkomunikasi secara lisan dan bertulis sama ada dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.
- (e) Berkebolehan dalam menulis laporan dan kertas kerja.
- (f) Berpengetahuan mengenai flora dan fauna.
- (g) Berpengetahuan mengenai pemuliharaan alam sekitar.

**8. SIFAT-SIFAT YANG BERSESUAIAN DENGAN JAWATAN**

- (a) Berintegriti / Amanah.
- (b) Setiakawan.
- (c) Bertanggungjawab.
- (d) Bekerjasama.
- (e) Profesionalisme.
- (f) Adil dan saksama.

- (g) Mementingkan kualiti.
- (h) Menyimpan rahsia.
- (i) Tahan lasak untuk bekerja di lapangan.
- (j) Berdisiplin.
- (k) Teliti.

## **9. ANCAMAN/BAHAYA**

- (a) Risiko kecederaan semasa menjalankan tugas di lapangan.
- (b) Terdedah kepada unsur rasuah.
- (c) Penyalahgunaan kuasa.
- (d) Tekanan kerja.
- (e) Ketirisan maklumat.
- (f) Masalah sosial.
- (g) Terdedah kepada bahaya penyakit berjangkit (zoonotik).
- (h) Serangan binatang buas/ gigitan serangga.
- (i) Terkena tumbuhan beracun.
- (j) Risiko sesat di dalam hutan.

**PENGHURAIAN KERJA UMUM  
PERKHIDMATAN PENGAWAS HUTAN**

**1. SKIM PERKHIDMATAN**

Pengawas Hutan Gred G11, G14, G19/20, G22, G26.

**2. PERINGKAT ORGANISASI**

Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Negeri di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

**3. RINGKASAN TUGASAN**

Bertanggungjawab membantu Renjer Hutan/Penolong Pemelihara Hutan dalam melaksanakan dan memantau kawasan rizab hutan bagi hutan simpanan kekal dan hutan tanah kerajaan, aktiviti-aktiviti pembangunan hutan, pengusahasilan hutan, pembangunan industri berasaskan kayu, pengeluaran hasil hutan, pengurusan hutan lipur dan tapak semaian hutan, membantu pengumpulan maklumat-maklumat perhutanan dan penguatkuasaan undang-undang perhutanan yang berkaitan.

**4. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS**

4.1 Pengawas Hutan

(Jabatan Perhutanan Negeri di Semenanjung Malaysia)

- (a) Mentadbir, mengurus dan mengatur jadual kerja kakitangan bawahan di bawah kawal selia untuk memastikan kelancaran pelaksanaan aktiviti perhutanan secara sistematik.
- (b) Menyediakan laporan-laporan berkaitan aktiviti pentadbiran/perkhidmatan, pembangunan hutan, pengusahasilan hutan, pemantauan kawasan berhutan dan lain-lain aktiviti di bawah kawal selia.
- (c) Mengawasi pelaksanaan aktiviti yang berkaitan dengan proses utama jabatan mengikut garis panduan, prosedur dan proses yang didokumenkan dalam piawaian MS ISO 9001:2008 dan pensijilan pengurusan hutan berdasarkan MC&I (kriteria dan petunjuk untuk pensijilan di Malaysia) dipatuhi sepenuhnya di lapangan.
- (d) Menjalankan dan mengawasi kerja penyediaan sempadan lesen di dalam Hutan Simpanan Kekal, Tanah Kerajaan dan Tanah Milik bagi tujuan pengusahasilan hutan.

- (e) Menjalankan kerja-kerja sukatan dan membuat taksiran cukai bagi pengeluaran hasil hutan di Balai Pemeriksaan Hutan.
- (f) Mengawasi dan melaksanakan aktiviti pengurusan dan pembangunan hutan di lapangan seperti inventori hutan, penandaan sempadan hutan simpan, rawatan hutan dan sebagainya.
- (g) Menjalankan dan mengawasi aktiviti pembangunan, penyelenggaraan dan aspek keselamatan di hutan lipur dan kawasan ekopelancongan.
- (h) Menjalankan kerja dan mengawasi aktiviti pembangunan serta penyelenggaraan ladang hutan atau tapak semeaian.
- (i) Menjalankan kerja aktiviti rondaan ke atas kawasan Hutan Simpanan Kekal dan Hutan Tanah Kerajaan bagi mencegah pencerobohan dan pembalakan haram serta kesalahan hutan lain.
- (j) Memantau dan menguatkuasa undang-undang mengikut Akta Perhutanan Negara 1984, Enakmen Industri Berasas Kayu dan undang-undang lain yang berkaitan.
- (k) Membantu Pegawai Penyiasat dalam menjalankan siasatan terutamanya dalam semakan di lapangan bagi kes kesalahan hutan.

#### 4.2 Pengawas Hutan (Jabatan Perhutanan Sabah)

- (a) Membantu Ketua Pembantu Perhutanan Mukim menguatkuasakan pelaksanaan Enakmen Hutan, mengawasi pencerobohan hutan simpan dan hutan simpan pulau-pulau di Negeri Sabah dan mengawal keseluruhan hutan simpan, menjalankan rondaan ke kawasan lesen pembalakan dan kilang papan.
- (b) Membantu memeriksa dan mengesahkan kawasan permohonan kawasan pembalakan, menyediakan sempadan kawasan cadangan untuk dikeluarkan lesen membalak, membuat rondaan bagi mencegah pencerobohan dan pembalakan haram, menjalankan kerja-kerja menyukat jalan hutan bagi tujuan pembalakan.
- (c) Membantu menyemak kerja-kerja di Balai Pemeriksaan Jabatan Hutan, menyediakan laporan, memeriksa status pendaftaran jentera yang digunakan dalam kawasan lesen pembalakan, menjalankan kerja-kerja pemeriksaan ketetapan maklumat lapangan dalam proses *Comprehensive Harvesting Plan*, menjalankan kerja-kerja penyeliaan operasi penuaian hutan dan operasi selepas penuaian.

- (d) Membantu memantau operasi pembalakan, mengurus dan mengawal pelawat ke pusat-pusat Sejadi, mengendalikan kerja-kerja pemeriksaan, penyiasatan dan aduan awam berhubung kesalahan hutan berpandukan Enakmen Hutan 1968 dan Peraturan Hutan 1969.
- (e) Membantu merekod ukuran balak, pengesahan ukuran kayu bulat, mengesahkan barangan hutan di dalam kilang sebelum dieksport, memantau pemuatan barangan hutan ke atas kapal serta mengawal restorasi dan *silviculture* hutan.

#### 4.3. Pengawas Hutan (Jabatan Hutan Sarawak)

- (a) Membantu tugas Ketua Kerja Lapangan (*Field Crew Leader*) bagi pelaksanaan tugas di lapangan.
- (b) Membantu dalam melaksanakan tugas di lapangan selaras dengan aktiviti/program yang telah dirancang.
- (c) Membantu dalam kerja-kerja memungut, mengumpul dan merekod data di lapangan.
- (d) Membantu dalam menguatkuasakan ordinan-ordinan dan peraturan-peraturan hutan di lapangan.
- (e) Menjalankan rondaan secara berkala dalam aktiviti pencegahan, risikan dan perlindungan hutan.
- (f) Mengawasi dan memastikan manual prosedur kerja di lapangan dipatuhi dan dikuatkuasakan oleh syarikat-syarikat pembalakan dan agensi-agensi sektor perhutanan.
- (g) Menjalankan pemeriksaan audit hasil berkala dan pemeriksaan mengejut.
- (h) Membantu dalam kerja-kerja pemeriksaan aset jabatan.

## 5. HUBUNGAN KERJA

- (a) Dalaman
  - (i) Pegawai atasan di dalam organisasi yang sama.
  - (ii) Rakan sekerja di pejabat/ bahagian/ unit yang sama.
  - (iii) Kakitangan bawahan di dalam jajaan di pejabat/ bahagian/ unit yang sama.



- (b) Luaran
  - (i) Orang awam.
  - (ii) Jabatan/ agensi kerajaan yang lain.
  - (iii) Pelesen/ kontraktor pembangunan hutan, pengusahasilan hutan dan industri berasaskan kayu.

## **6. PERSEKITARAN KERJA**

- (a) Pejabat
  - (i) Dalam pejabat renj hutan/ unit.
  - (ii) Persekitaran pejabat.
  - (iii) Pusat latihan.
- (b) Luar Pejabat
  - (i) Kawasan pembalakan.
  - (ii) Balai Pemeriksaan Hutan.
  - (iii) Hutan Lipur.
  - (iv) Tapak Semaian.
  - (v) Pusat Latihan.
  - (vi) Rizab Hutan (Hutan Simpanan Kekal dan Tanah Kerajaan).
  - (vii) Industri Berasaskan Kayu.
  - (viii) Kuari dan loji pengeluaran hasil hutan.
  - (ix) Kawasan lesen pembangunan hutan dan pengusahasilan hutan (Hutan Darat dan Hutan Paya Laut).
  - (x) Hutan paya bakau.

## **7. KEBOLEHAN YANG DIUTAMAKAN (PENGETAHUAN/ KEMAHIRAN)**

- (a) Berkebolehan dalam menulis laporan.
- (b) Berpengetahuan mengenai flora dan fauna.
- (c) Berpengetahuan mengenai pemuliharaan alam sekitar.

**8. SIFAT-SIFAT YANG BERSESUAIAN DENGAN JAWATAN**

- (a) Berminat dengan bidang perhutanan.
- (b) Tahan lasak untuk bekerja di lapangan.
- (c) Bertanggung jawab.
- (d) Berdisiplin.
- (e) Berintegriti.
- (f) Setiakawan.
- (g) Menyimpan rahsia.
- (h) Cekap dan amanah.
- (i) Berintegrasi.
- (j) Mahir berkomunikasi.

**9. ANCAMAN/BAHAYA**

- (a) Terdedah kepada bahaya penyakit berjangkit (zoonotik).
- (b) Terdedah kepada kecederaan diri semasa bekerja di lapangan.
- (c) Penyalahgunaan kuasa.
- (d) Terdedah kepada unsur rasuah.
- (e) Serangan binatang buas/ gigitan serangga.
- (f) Terkena tumbuhan beracun.
- (g) Risiko sesat di dalam hutan.
- (h) Tekanan kerja.

**FORMAT IKLAN JAWATAN**

1. (a) Jawatan : Nyatakan nama jawatan seperti dalam skim perkhidmatan berkenaan.
- (b) Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun/Kuasa Tempatan\* : Nama Agensi.
- (c) Kumpulan Perkhidmatan : Nyatakan sama ada Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau Kumpulan Pelaksana.
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Nyatakan Klasifikasi Perkhidmatan yang mengandungi skim perkhidmatan tersebut wujud.
2. Jadual Gaji : Rujuk pekeliling perkhidmatan yang berkuat kuasa.
3. Syarat Lantikan : Seperti syarat lantikan dalam skim perkhidmatan yang berkenaan.
4. Taraf Jawatan : Nyatakan sama ada bertaraf tetap, sementara atau kontrak.
5. Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan [nyatakan seperti di 1(a) di atas] adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
6. Fungsi Bidang Tugas : Untuk diisi oleh Ketua Perkhidmatan setiap kali pengiklanan dibuat.
7. Tarikh Tutup Permohonan : Nyatakan tarikh tutup permohonan.

(\* Potong mana yang tidak berkenaan)

## LAMPIRAN E

### SKIM PERKHIDMATAN PEMBANTU OPERASI

**KLASIFIKASI PERKHIDMATAN** : **PENTADBIRAN DAN SOKONGAN**  
**KUMPULAN PERKHIDMATAN** : **PELAKSANA**  
**GRED JAWATAN/GAJI** : **N11, N14, N16, N18**  
**TARIKH KUAT KUASA** : **1 JULAI 2016**

#### SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - (a) warganegara Malaysia;
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
  - (c) (i) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N11: RM1,216.00);  
atau  
(ii) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan memiliki lesen memandu Kelas B2/B/D/E2/E1/E yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali Lesen Memandu Percubaan (P)].  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N11: RM1,262.15).

#### SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

#### PENETAPAN GAJI PERMULAAN

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred N11 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

#### TEMPOH PERCUBAAN

4. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

#### LATIHAN

5. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

#### PROGRAM TRANSFORMASI MINDA

6. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan .

#### PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

7. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
  - (a) memenuhi tempoh percubaan;
  - (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan; dan
  - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

#### PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

8. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**KEPERLUAN KOMPETENSI  
DAN POTENSI**

**KENAIKAN PANGKAT KE  
GRED N14**

9. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.
10. Pembantu Operasi Gred N11 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Operasi Gred N14 yang kosong apabila telah:
  - (a) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE  
GRED N16**

11. Pembantu Operasi Gred N14 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Operasi Gred N16 yang kosong apabila telah:
  - (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE  
GRED N18**

12. Pembantu Operasi Gred N16 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Operasi Gred N18 yang kosong apabila telah:
  - (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PENINGKATAN SECARA  
LANTIKAN KE JAWATAN  
PENGAWAS HUTAN GRED G19,  
PEMBANTU KEMAHIRAN GRED  
H19, OPERATOR WAYARLES  
GRED N19, PEMBANTU TADBIR  
(PERKERANIAN/OPERASI)  
GRED N19 ATAU PEMBANTU  
KESIHATAN AWAM GRED U19**

13. Pembantu Operasi yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pengawas Hutan Gred G19, Pembantu Kemahiran Gred H19, Operator Wayarles Gred N19, Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi) Gred N19 atau Pembantu Kesihatan Awam Gred U19 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

**Nota:** Skim perkhidmatan dalam pekeliling ini adalah selaras dengan skim perkhidmatan Pembantu Operasi yang berkuat kuasa pada 1.7.2016 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016) dan Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bilangan 7 Tahun 2016.

**SKIM PERKHIDMATAN  
PEMBANTU AWAM**

**KLASIFIKASI PERKHIDMATAN** : **KEMAHIRAN**  
**KUMPULAN PERKHIDMATAN** : **PELAKSANA**  
**GRED JAWATAN/GAJI** : **H11, H14, H16, H18**  
**TARIKH KUAT KUASA** : **1 JULAI 2016**

- SYARAT LANTIKAN**
1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
    - (a) warganegara Malaysia;
    - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
    - (c) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred H11: RM1,218.00).  
**(Syarat Tambahan:** Bagi tugas menyelamat, calon perlu memiliki Sijil Pertolongan Cemas serta berkebolehan berenang dan bagi tugas memandu enjin sangkut/motobot, calon perlu memiliki perakuan kekompetenan berkaitan daripada Jabatan Laut Malaysia).  
 (Gaji permulaan ialah pada Gred H11: RM1,264.15).
- SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**
2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- PENETAPAN GAJI PERMULAAN**
3. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred H11 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
- TEMPOH PERCUBAAN**
4. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
- LATIHAN**
5. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
- PROGRAM TRANSFORMASI MINDA**
6. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
- PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**
7. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
    - (a) memenuhi tempoh percubaan;
    - (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan; dan
    - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
- PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**
8. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
- KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI**
9. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED H14**

10. Pembantu Awam Gred H11 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Awam Gred H14 yang kosong apabila telah:
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE  
GRED H16**

11. Pembantu Awam Gred H14 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Awam Gred H16 yang kosong apabila telah:
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE  
GRED H18**

12. Pembantu Awam Gred H16 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Awam Gred H18 yang kosong apabila telah:
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PENINGKATAN SECARA LANTIKAN  
KE JAWATAN PEMANDU  
LOKOMOTIF  
GRED A13, PENGAWAS HUTAN  
GRED G19, PEMBANTU  
KEMAHIRAN GRED H19 ATAU  
PENJAGA JENTERA ELEKTRIK  
GRED J19**

13. Pembantu Awam yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pemandu Lokomotif Gred A13, Pengawas Hutan Gred G19, Pembantu Kemahiran Gred H19 atau Penjaga Jentera Elektrik Gred J19 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

**Nota:** Skim perkhidmatan dalam pekeliling ini adalah selaras dengan skim perkhidmatan Pembantu Awam yang berkuat kuasa pada 1.7.2016 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016) dan Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bilangan 7 Tahun 2016.

**SURAT TAWARAN OPSYEN PERTUKARAN PELANTIKAN  
(RENJER HUTAN GRED G19 YANG MEMILIKI KELAYAKAN  
SIJIL  
PERHUTANAN RENJER HUTAN DARIPADA JABATAN  
PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA ATAU DIPLOMA DALAM  
BIDANG PERHUTANAN YANG DIKTIRAF SETARAF DENGANNYA)**

(Nama dan Alamat Ketua Jabatan)

.....  
.....

---

Fail Ruj.:  
Tarikh:

Nama : (Nama pegawai)  
Alamat : .....  
.....

Tuan,

**TAWARAN PERTUKARAN PELANTIKAN BERIKUTAN PENGGABUNGAN  
SKIM PERKHIDMATAN RENJER HUTAN GRED G19, G22, G26 DAN  
PENOLONG PEMELIHARA HUTAN GRED G29/30, G32, G36 MELALUI  
PEMBERIAN OPSYEN**

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa Kerajaan telah memutuskan penggabungan skim perkhidmatan Renjer Hutan Gred G19, G22, G26 dan Penolong Pemelihara Hutan Gred G29, G32, G36 di bawah satu skim perkhidmatan baharu iaitu Renjer Hutan/ Penolong Pemelihara Hutan Gred G19, G22, G26, G29/30, G32, G36 berkuat kuasa pada **1 April 2017**. Sehubungan itu, tuan/puan dengan ini ditawarkan pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan **Renjer Hutan/ Penolong Pemelihara Hutan Gred G19, G22, G26, G29/30, G32, G36** di (Nama Jabatan) di bawah Klasifikasi Perkhidmatan Pertanian.

2. Tawaran pertukaran pelantikan melalui opsyen ini tertakluk kepada syarat-syarat seperti dinyatakan di **Lampiran F1**. Tuan/Puan dikehendaki memberi jawapan sama ada **menerima atau menolak tawaran** pertukaran pelantikan ini dengan mengisi Borang Opsyen di **Lampiran F2**. Jawapan tuan/puan hendaklah sampai ke pejabat ini sebelum atau pada .....(30 hari mulai tarikh surat tawaran dikeluarkan).



2.1 Sekiranya tuan/puan **menerima tawaran**, tuan/puan hendaklah:

Menandakan ( ✓ ) dalam kotak yang disediakan **di perenggan (a) dalam Borang Opsyen di Lampiran F2**. Tuan/Puan juga hendaklah memilih sama ada:

- (a) terus ditukar lantik ke skim perkhidmatan yang ditawarkan atas **Gred G29** mulai pada tarikh yang sama; atau
- (b) ditukar lantik sehari selepas dinaikkan pangkat secara *time-based* berasaskan kecemerlangan dalam skim perkhidmatan asal. Tuan/Puan akan dikekalkan di gred asal dalam skim perkhidmatan asal sehingga memenuhi syarat yang ditetapkan;

**atau**

2.2 Sekiranya tuan/puan **menolak tawaran**, tuan/puan hendaklah:

Menandakan ( ✓ ) dalam kotak yang disediakan **di perenggan (b) dalam Borang Opsyen di Lampiran F2**. Tuan/Puan akan dikekalkan dalam skim perkhidmatan dan gred jawatan asal secara KUP.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,

.....  
(Tandatangan Ketua Jabatan)

**SYARAT PERTUKARAN PELANTIKAN MELALUI OPSYEN BAGI  
RENJER HUTAN GRED G19 YANG MEMILIKI KELAYAKAN SIJIL  
PERHUTANAN RENJER HUTAN DARIPADA JABATAN  
PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA ATAU DIPLOMA DALAM  
BIDANG PERHUTANAN YANG DIKTIRAF SETARAF DENGANNYA**

1. Kerajaan telah memutuskan supaya penggabungan skim perkhidmatan Renjer Hutan Gred G19, G22, G26 di bawah satu skim perkhidmatan baharu iaitu Renjer Hutan/ Penolong Pemelihara Hutan Gred Gred G19, G22, G26, G29/30, G32, G36 dilaksanakan berkuat kuasa pada **1 April 2017**. Dengan keputusan itu, tuan/puan diberi opsyen sama ada **menerima** tawaran untuk **ditukar lantik** ke skim perkhidmatan **Renjer Hutan/ Penolong Pemelihara Hutan Gred G19, G22, G26, G29/30, G32, G36** ataupun **menolak tawaran** pertukaran pelantikan. Jika tuan/puan **menolak tawaran pertukaran pelantikan ini**, tuan/puan akan **dikekalkan dalam skim perkhidmatan dan gred jawatan asal secara Khas Untuk Penyandang (KUP)**. Opsyen ini adalah **muktamad**. **OPSYEN**
2. Bagi tuan/puan yang **menerima** tawaran untuk ditukar lantik ke skim perkhidmatan **Penolong Pemelihara Hutan Gred G29**, tuan/puan boleh memilih sama ada:
- (a) **terus ditukar lantik** ke skim perkhidmatan yang ditawarkan; atau
- (b) **ditukar lantik sehari selepas dinaikkan pangkat** secara *time-based* berasaskan kecemerlangan dalam skim perkhidmatan asal. Tuan/Puan yang memilih untuk **ditukar lantik setelah dinaikkan pangkat** secara *time-based* akan kekal dalam skim perkhidmatan dan gred jawatan asal sehingga sehari selepas kenaikan pangkat secara *time-based* tersebut.

- |    |  |   |
|----|--|---|
| 3. | Tempoh opsyen yang diberi kepada tuan/puan untuk membuat pilihan ialah <b>30 hari</b> mulai dari tarikh surat tawaran dikeluarkan. Jika tuan/puan tidak membuat pilihan atau tidak melaporkan diri bertugas pada tarikh yang ditetapkan atau membuat pilihan dengan bersyarat atau gagal mengembalikan borang opsyen tanpa sebarang sebab yang munasabah, tuan/puan adalah <b>dianggap menolak</b> tawaran pertukaran pelantikan dan akan dikekalkan dalam skim perkhidmatan dan gred jawatan asal secara KUP. | <b>TEMPOH MEMBUAT OPSYEN</b>                            |
| 4. | Tuan/Puan akan ditawarkan ke skim perkhidmatan <b>Penolong Pemelihara Hutan Gred G29</b> .   | <b>JAWATAN YANG DITAWARKAN</b>                          |
| 5. | Tuan/Puan akan tertakluk kepada syarat dan peraturan yang diperuntukkan dalam skim perkhidmatan yang tuan/ puan ditukar lantik.  | <b>PEMAKAIAN SYARAT DAN PERATURAN PERKHIDMATAN BARU</b> |
| 6. | (i) Tuan/Puan yang memilih untuk terus ditukar lantik ke skim perkhidmatan <b>Penolong Pemelihara Hutan Gred G29</b> akan ditawarkan:  | <b>GAJI PERMULAAN</b>                                   |
|    | (a) gaji minimum di gred jawatan baharu sekiranya gaji akhir di gred jawatan asal adalah sama atau lebih rendah daripada gaji minimum di gred jawatan baharu;  |   |
|    | (b) gaji yang sama dengan gaji akhir di gred jawatan asal jika gaji akhir tuan/puan di gred jawatan asal lebih tinggi daripada gaji minimum di gred jawatan baharu; atau   |   |
|    | (c) gaji permulaan kelayakan diploma jika amaun gaji di gred jawatan asal adalah sama atau lebih rendah daripada gaji permulaan kelayakan diploma.   |   |
|    | (ii) Tuan/Puan yang memilih untuk ditukar lantik setelah dinaikkan pangkat secara <i>time-based</i> berasaskan kecemerlangan dalam skim perkhidmatan asal, gaji tuan/puan akan diselaraskan di gred jawatan baharu sehari selepas dinaikkan pangkat mengikut prinsip di perenggan 6 (i) di atas.   |   |

Pegawai yang gaji akhirnya tidak dapat ditampung oleh amaun gaji mengikut kaedah di atas, maka jadual gaji KUP hendaklah dipohon daripada Bahagian Saraan, JPA.

- |     |  |  |
|-----|--|--|
| 7.  | Pergerakan Gaji Tahunan jawatan asal yang sepatutnya diterima oleh pegawai dalam tahun pertukaran pelantikan dikuatkuasakan, sekiranya masih belum diterima, hendaklah diberi dahulu di gred jawatan asal sebelum diselaraskan ke gred jawatan baharu.   | <b>PERGERAKAN GAJI<br/>TAHUNAN</b>                                   |
| 8.  | TPG tuan/puan adalah dikekalkan mengikut TPG jawatan asal.   | <b>TARIKH<br/>PERGERAKAN GAJI</b>                                    |
| 9.  | Tuan/puan <b>dikecualikan</b> daripada syarat tempoh percubaan <b>jika tuan/puan telah disahkan</b> dalam perkhidmatan asal. Walau bagaimanapun untuk tujuan pencen, tuan/puan hendaklah disahkan dalam perkhidmatan baru oleh Pihak Berkuasa Melantik pada bila-bila masa dalam tempoh enam (6) bulan daripada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan.   | <b>TEMPOH<br/>PERCUBAAN BAGI<br/>PEGAWAI YANG<br/>TELAH DISAHKAN</b> |
| 10. | Tuan/puan yang <b>belum disahkan</b> dalam perkhidmatan asal, dikehendaki <b>menghabiskan baki</b> tempoh percubaan dan boleh disahkan dalam perkhidmatan pada bila-bila masa sekiranya telah mencukupi tempoh sekurang-kurangnya satu (1) tahun termasuk mengambil kira tempoh percubaan jawatan asal tertakluk dengan syarat tuan/puan telah memenuhi semua syarat pengesahan dalam perkhidmatan yang ditetapkan. Syarat-syarat pengesahan dalam perkhidmatan yang telah dipenuhi dengan jayanya semasa di jawatan asal adalah dikecualikan. | <b>TEMPOH<br/>PERCUBAAN BAGI<br/>PEGAWAI YANG<br/>BELUM DISAHKAN</b> |
| 11. | Kekananan tuan/puan di jawatan baharu akan dikira mulai tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan.   | <b>KEKANANAN</b>   |
| 12. | Jika tuan/puan belum disahkan dalam perkhidmatan, tuan/puan layak diberi opsyen skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sebelum diperakukan pengesahan dalam perkhidmatan di jawatan baru.  | <b>OPSYEN SKIM KWSP</b>  |
| 13. | Taraf berpencen yang diberi kepada tuan/puan sebelum pertukaran pelantikan ini dikuatkuasakan akan dikekalkan.   | <b>TARAF BERPENCEN<br/>DIKEKALKAN</b>                                |
| 14. | Tuan/Puan dibenarkan membawa baki cuti rehat tahunan dan cuti rehat yang telah dikumpulkan untuk tujuan award wang tunai sebagai gantian cuti rehat, mengikut syarat dan peraturan yang berkuat kuasa.   | <b>CUTI REHAT</b>  |
| 15. | Tuan/Puan boleh ditempatkan berkhidmat di mana-mana jua sepertimana yang diarahkan oleh Ketua Perkhidmatan/ Ketua Jabatan.   | <b>PENEMPATAN</b>  |

- |     |   |  |
|-----|---|--|
| 16. | Ketua Perkhidmatan tuan/puan ialah .....  | <b>KETUA<br/>PERKHIDMATAN</b>                      |
| 17. | Tuan/puan akan sentiasa tertakluk kepada peraturan dan arahan yang berkuat kuasa dalam perkhidmatan awam.   | <b>KEPERLUAN<br/>MEMATUHI<br/>PERATURAN</b>        |
| 18. | Tuan/Puan dikecualikan daripada syarat pemeriksaan perubatan, akuan berkanun, aku janji dan tapisan keselamatan sekiranya tuan/puan telah memenuhi syarat tersebut semasa di jawatan asal.  | <b>SYARAT<br/>PELANTIKAN YANG<br/>DIKECUALIKAN</b> |
| 19. | Pertukaran pelantikan tuan/puan melalui pemberian opsyen ini adalah berkuat kuasa mulai <b>1 April 2017</b> . Bagi pegawai yang memilih untuk dinaikkan pangkat secara <i>time-based</i> berasaskan kecemerlangan dalam skim perkhidmatan asal, tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan yang ditawarkan adalah sehari selepas pegawai dinaikkan pangkat secara <i>time-based</i> tersebut. | <b>TARIKH KUAT<br/>KUASA</b>                       |
| 20. | Hubungan tuan/puan dengan perkhidmatan asal adalah terputus <b>kecuali</b> bagi tujuan faedah persaraan dan kemudahan-kemudahan lain yang diberi berdasarkan tempoh perkhidmatan seperti cuti rehat, cuti haji dan pinjaman.  | <b>HUBUNGAN DENGAN<br/>PERKHIDMATAN<br/>ASAL</b>   |

**BORANG OPSYEN**  
**(RENJER HUTAN GRED G19 YANG MEMILIKI KELAYAKAN SIJIL**  
**PERHUTANAN RENJER HUTAN DARIPADA JABATAN**  
**PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA ATAU DIPLOMA DALAM**  
**BIDANG PERHUTANAN YANG DIKTIRAF SETARAF DENGANNYA)**

---

Fail Rujukan :  
Tarikh :

(Nama dan Alamat Ketua Jabatan)

.....  
.....

Tuan,

**TAWARAN PERTUKARAN PELANTIKAN BERIKUTAN PENGGABUNGAN  
SKIM PERKHIDMATAN RENJER HUTAN/ PENOLONG PEMELIHARA  
HUTAN GRED G19, G22, G26, G29/30, G32, G36 MELALUI PEMBERIAN  
OPSYEN**

---

Berhubung dengan surat tuan bil.: .....bertarikh  
..... mengenai perkara di atas, maka saya dengan ini membuat pilihan  
seperti berikut:-

\* (a) **Menerima tawaran** pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan  
**Renjer Hutan/ Penolong Pemelihara Hutan Gred G19, G22, G26,**  
**G29/30, G32, G36** di (Nama Jabatan) dan:

\* (i)  **bersetuju terus ditukar lantik ke skim perkhidmatan**  
**yang ditawarkan** di bawah Klasifikasi Pertanian dengan gaji  
RM..... atas **Gred G29** dengan syarat yang dinyatakan di  
**Lampiran F1** surat tawaran tuan;

**atau**

- (ii)  **bersetuju** ditukar lantik ke skim perkhidmatan yang ditawarkan atas **Gred G29** dengan syarat yang dinyatakan di **Lampiran F1** surat tawaran tuan **sehari selepas dinaikkan pangkat** secara *time-based* berasaskan kecemerlangan dalam skim perkhidmatan asal. Dengan itu, saya dikekalkan di gred asal dalam skim perkhidmatan asal.

ATAU

- (b)  **Menolak tawaran** pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan **Renjer Hutan/ Penolong Pemelihara Hutan Gred G19, G22, G26, G29/30, G32, G36** dan dengan ini bersetuju kekal dalam skim perkhidmatan dan gred jawatan asal secara KUP.

2. Saya sesungguhnya faham kandungan surat tawaran ini dan implikasi ke atas pilihan yang saya buat.

Tandatangan : .....  
Nama Penuh :  
No.Kad Pengenalan :  
Jawatan :  
Tarikh :

Di hadapan :

.....  
SAKSI\*\*

Nama Penuh :  
No. Kad Pengenalan :  
Jawatan :  
Alamat :

Tarikh :

---

**Nota:**

- \* Tandakan ( ✓ ) dalam salah satu petak yang berkenaan  
\*\* Ketua Jabatan atau Pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional

**SURAT TAWARAN OPSYEN PERTUKARAN PELANTIKAN  
(RENJER HUTAN GRED G22, G26 YANG MEMILIKI KELAYAKAN SIJIL  
PERHUTANAN RENJER HUTAN DARIPADA JABATAN PERHUTANAN  
SEMENANJUNG MALAYSIA ATAU DIPLOMA DALAM  
BIDANG PERHUTANAN YANG DIKTIKRAF SETARAF  
DENGANNYA)**

(Nama dan Alamat Ketua Jabatan)

.....  
.....

---

Fail Ruj.:

Tarikh:

Nama : (Nama pegawai)

Alamat : .....  
.....

Tuan,

**TAWARAN PERTUKARAN PELANTIKAN BERIKUTAN PENGGABUNGAN  
SKIM PERKHIDMATAN RENJER HUTAN GRED G19, G22, G26 DAN  
PENOLONG PEMELIHARA HUTAN GRED G29, G32, G36 MELALUI  
PEMBERIAN OPSYEN**

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa Kerajaan telah memutuskan penggabungan skim perkhidmatan Renjer Hutan Gred G19, G22, G26 dan Penolong Pemelihara Hutan Gred G29, G32, G36 di bawah satu skim perkhidmatan baharu iaitu Renjer Hutan/ Penolong Pemelihara Hutan Gred G19, G22, G26, G29/30, G32, G36 berkuat kuasa pada **1 April 2017**. Sehubungan itu, tuan/puan dengan ini ditawarkan pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan **Renjer Hutan/ Penolong Pemelihara Hutan Gred G19, G22, G26, G29/30, G32, G36** di (Nama Jabatan) di bawah Klasifikasi Perkhidmatan Pertanian.

2. Tawaran pertukaran pelantikan melalui opsyen ini tertakluk kepada syarat-syarat seperti dinyatakan di **Lampiran G1**. Tuan/Puan dikehendaki memberi jawapan sama ada **menerima atau menolak tawaran** pertukaran pelantikan ini dengan mengisi Borang Opsyen di **Lampiran G2**. Jawapan tuan/puan hendaklah sampai ke pejabat ini sebelum atau pada .....(30 hari mulai tarikh surat tawaran dikeluarkan).



2.1 Sekiranya tuan/puan **menerima tawaran**, tuan/puan hendaklah:

Menandakan ( ✓ ) dalam kotak yang disediakan **di perenggan (a) dalam Borang Opsyen di Lampiran G2.**

**atau**

2.2 Sekiranya tuan/puan **menolak tawaran**, tuan/puan hendaklah:

Menandakan ( ✓ ) dalam kotak yang disediakan **di perenggan (b) dalam Borang Opsyen di Lampiran G2.** Tuan/Puan akan dikekalkan dalam skim perkhidmatan dan gred jawatan asal secara KUP.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,

.....  
(Tandatangan Ketua Jabatan)

## LAMPIRAN G1

### SYARAT PERTUKARAN PELANTIKAN MELALUI OPSYEN BAGI RENJER HUTAN GRED G22, G26 YANG MEMILIKI KELAYAKAN SIJIL PERHUTANAN RENJER HUTAN DARIPADA JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA ATAU DIPLOMA DALAM BIDANG PERHUTANAN YANG DIKTIRAF SETARAF DENGANNYA

1. Kerajaan telah memutuskan supaya penggabungan skim perkhidmatan Renjer Hutan Gred G19, G22, G26 di bawah satu skim perkhidmatan baharu iaitu Renjer Hutan/ Penolong Pemelihara Hutan Gred Gred G19, G22, G26, G29/30, G32, G36 dilaksanakan berkuat kuasa pada **1 April 2017**. Dengan keputusan itu, tuan/puan diberi opsyen sama ada **menerima tawaran untuk ditukar lantik** ke skim perkhidmatan **Renjer Hutan/ Penolong Pemelihara Hutan Gred G19, G22, G26, G29/30, G32, G36** ataupun **menolak tawaran** pertukaran pelantikan. Jika tuan/puan **menolak tawaran pertukaran pelantikan ini**, tuan/puan akan **dikekalkan dalam skim perkhidmatan dan gred jawatan asal secara Khas Untuk Penyangang (KUP)**. Opsyen ini adalah **muktamad**.

**OPSYEN**
2. Tempoh opsyen yang diberi kepada tuan/puan untuk membuat pilihan ialah **30 hari** mulai dari tarikh surat tawaran dikeluarkan. Jika tuan/puan tidak membuat pilihan atau tidak melaporkan diri bertugas pada tarikh yang ditetapkan atau membuat pilihan dengan bersyarat atau gagal mengembalikan borang opsyen tanpa sebarang sebab yang munasabah, tuan/puan adalah **dianggap menolak** tawaran pertukaran pelantikan dan akan dikekalkan dalam skim perkhidmatan dan gred jawatan asal secara KUP.

**TEMPOH MEMBUAT OPSYEN**
3. Tuan/Puan akan ditawarkan ke skim perkhidmatan **Penolong Pemelihara Hutan Gred G29**.

**JAWATAN YANG DITAWARKAN**
4. Tuan/Puan akan tertakluk kepada syarat dan peraturan yang diperuntukkan dalam skim perkhidmatan yang tuan/ puan ditukar lantik.

**PEMAKAIAN SYARAT DAN PERATURAN PERKHIDMATAN BARU**
5. Tuan/Puan akan ditawarkan:

**GAJI PERMULAAN**

  - (a) gaji minimum di gred jawatan baharu sekiranya gaji akhir di gred jawatan asal adalah sama atau lebih rendah daripada gaji minimum di gred jawatan baharu;

- (b) gaji yang sama dengan gaji akhir di gred jawatan asal jika gaji akhir tuan/puan di gred jawatan asal lebih tinggi daripada gaji minimum di gred jawatan baharu; atau
- (c) gaji permulaan kelayakan diploma jika amaun gaji di gred jawatan asal adalah sama atau lebih rendah daripada gaji permulaan kelayakan diploma.

Pegawai yang gaji akhirnya tidak dapat ditampung oleh amaun gaji mengikut kaedah di atas, maka jadual gaji KUP hendaklah dipohon daripada Bahagian Saraan, JPA.

- 6. Pergerakan Gaji Tahunan jawatan asal yang sepatutnya diterima oleh pegawai dalam tahun pertukaran pelantikan dikuatkuasakan, sekiranya masih belum diterima, hendaklah diberi dahulu di gred jawatan asal sebelum diselaraskan ke gred jawatan baharu.
- 7. TPG tuan/puan adalah dikekalkan mengikut TPG jawatan asal.
- 8. Tuan/puan **dikecualikan** daripada syarat tempoh percubaan **jika tuan/puan telah disahkan** dalam perkhidmatan asal. Walau bagaimanapun untuk tujuan pencen, tuan/puan hendaklah disahkan dalam perkhidmatan baru oleh Pihak Berkuasa Melantik pada bila-bila masa dalam tempoh enam (6) bulan daripada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan.
- 9. Tuan/puan yang **belum disahkan** dalam perkhidmatan asal, dikehendaki **menghabiskan baki** tempoh percubaan dan boleh disahkan dalam perkhidmatan pada bila-bila masa sekiranya telah mencukupi tempoh sekurang-kurangnya satu (1) tahun termasuk mengambil kira tempoh percubaan jawatan asal tertakluk dengan syarat tuan/puan telah memenuhi semua syarat pengesahan dalam perkhidmatan yang ditetapkan. Syarat-syarat pengesahan dalam perkhidmatan yang telah dipenuhi dengan jayanya semasa di jawatan asal adalah dikecualikan.
- 10. Kekananan tuan/puan di jawatan baharu akan dikira mulai tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan.

**PERGERAKAN GAJI  
TAHUNAN**

**TARIKH  
PERGERAKAN GAJI**

**TEMPOH  
PERCUBAAN BAGI  
PEGAWAI YANG  
TELAH DISAHKAN**

**TEMPOH  
PERCUBAAN BAGI  
PEGAWAI YANG  
BELUM DISAHKAN**

**KEKANANAN**

- |     |  |  |
|-----|--|--|
| 11. | Jika tuan/puan belum disahkan dalam perkhidmatan, tuan/ puan layak diberi opsyen skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sebelum diperakukan pengesahan dalam perkhidmatan di jawatan baru.                               | <b>OPSYEN SKIM KWSP</b>                            |
| 12. | Taraf berpencen yang diberi kepada tuan/puan sebelum pertukaran pelantikan ini dikuatkuasakan akan dikekalkan.   | <b>TARAF BERPENCEN<br/>DIKEKALKAN</b>              |
| 13. | Tuan/Puan dibenarkan membawa baki cuti rehat tahunan dan cuti rehat yang telah dikumpulkan untuk tujuan award wang tunai sebagai gantian cuti rehat, mengikut syarat dan peraturan yang berkuat kuasa.                       | <b>CUTI REHAT</b>                                  |
| 14. | Tuan/Puan boleh ditempatkan berkhidmat di mana-mana jua sepertimana yang diarahkan oleh Ketua Perkhidmatan/ Ketua Jabatan.   | <b>PENEMPATAN</b>                                  |
| 15. | Ketua Perkhidmatan tuan/puan ialah..... .  | <b>KETUA<br/>PERKHIDMATAN</b>                      |
| 16. | Tuan/puan akan sentiasa tertakluk kepada peraturan dan arahan yang berkuat kuasa dalam perkhidmatan awam.  | <b>KEPERLUAN<br/>MEMATUHI<br/>PERATURAN</b>        |
| 17. | Tuan/Puan dikecualikan daripada syarat pemeriksaan perubatan, akuan berkanun, aku janji dan tapisan keselamatan sekiranya tuan/puan telah memenuhi syarat tersebut semasa di jawatan asal.                                   | <b>SYARAT<br/>PELANTIKAN YANG<br/>DIKECUALIKAN</b> |
